

# Menentukan 'jangka hayat' PKR

Um- 24/5/2007

Oleh AINOL AMRIZ ISMAIL  
(WARTAWAN UTUSAN)

RAMAI yang melihat Kongres Nasional Tahunan Parti Keadilan Rakyat (Kongres PKR) yang berlangsung selama tiga hari bermula Jumaat ini di Sekolah Tinggi Chung Hua, di sini sebagai penentu hidup atau mati perjuangan mereka.

Sama ada ahli PKR sedar atau tidak, kongres yang menyaksikan pemilihan ahli Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) bagi sesi 2007-2010, sebenarnya adalah *master copy* kepada perancangan masa hadapan PKR bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Percaturan yang silap oleh ahli PKR dalam pemilihan itu bakal mengundang parah kepada parti berkenaan ketika MPT sendiri sedang berusaha untuk meyakinkan pakatan pembangkang - Pas dan DAP terhadap perjuangan mereka.

Namun begitu, kongres kedua selepas pertama kali diadakan di Ipoh, Perak pada 2004 dijangka menarik apabila ia menjadi gelanggang kepada penasihat PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk memperjelaskan pelbagai isu yang dilontarkan kepada beliau, termasuklah hubungannya dengan Presiden Bank Dunia, Paul Wolfowitz - orang yang menjadi dalang besar pencerobohan Amerika Syarikat ke atas Afghanistan dan Iraq.

Pemerhati politik juga berpendapat, banyak isu yang akan dibawa oleh perwakilan antaranya ialah hala tuju PKR sendiri dalam menstruktur kewibawaan MPT, Angkatan Muda PKR dan Wanita serta peranan mereka untuk didefinisikan secara praktikal ke atas reformasi politik mereka sendiri.

Biarpun isu yang dibawa itu nanti berkisar sekitar persediaan menghadapi pilihan raya umum, kongres yang berlangsung itu juga dilihat mempunyai agenda untuk meletakkan Anwar sebagai peneraju tampuk kepimpinan PKR bagi jawatan presiden apabila sudah menerima 120 pencalonan di peringkat bahagian.

Benar, Anwar adalah 'singa' yang akan menyuntik taringnya kepada ahli PKR, tetapi sejauh mana Pendaftar Pertubuhan boleh meluluskan pemilihan Anwar sebagai presiden - jika dipilih oleh ahli PKR, sedangkan tempoh larangan beliau aktif dalam politik hanya akan berakhir pada April tahun depan.

Dalam konteks ini, pemerhati politik melihat bahawa Anwar tetap menjadi dalang yang duduk di belakang isterinya, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail yang kini merupakan penyandang jawatan presiden PKR.

Tetapi 120 bahagian yang mencalonkan Anwar sebagai presiden sudah melihat risiko ini dan sekiranya ini berlaku, PKR sebenarnya menuju rebah dan lebih teruja

PKR akan dipimpin oleh Timbalan Presiden PKR, Dr. Syed Husin Ali (orang yang pernah menerajui Parti Rakyat Malaysia), yang telah pun mengekalkan jawatannya tanpa bertanding.

Kalau inilah kemahuan ahli PKR, maka kongres yang berlangsung Jumaat ini akan menyaksikan 'reformasi' yang dilaungkan itu sekadar meledak di dewan Sekolah Tinggi Chung Hua, di sini.

Buat masa ini, Dr. Wan Azizah menerima 10 pencalonan daripada bahagian, manakala seorang lagi calon yang berhasrat untuk menduduki kerusi presiden PKR ialah bekas Timbalan Presiden PKR, Abdul Rahman Othman yang sekadar memperoleh tujuh pencalonan daripada bahagian.

Kongres di sini juga bakal menyaksikan konflik dalam pemilihan Angkatan Muda Keadilan (AMK), apabila Setiausaha AMK, SD Johari Yassin telah pun membuat keputusan untuk menarik diri daripada bertanding jawatan timbalan ketua AMK kerana mendakwa tidak berpuas hati dengan campur tangan Anwar.

Pemerhati politik melihat, ketegangan yang berlaku dalam AMK itu juga menunjukkan tiada persaudaraan yang kukuh dalam penyatuan mereka dan ini akan menyukarkan usaha PKR sendiri untuk menggerakkan 'orang muda' dalam cubaan menawan beberapa kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen pada pilihan raya akan datang.

Persaingan akan menjadi lebih sengit dalam pemilihan AMK kali ini dan persoalannya apakah 82 bahagian AMK seluruh negara turut bersekongkol dan mengatur kepimpinan AMK, sekali gus mengetepikan aspek demokrasi yang telus dalam merangka jawatankuasa bagi sesi 2007-2010?

Ketika ini, Johari telah mendapat 42 pencalonan - tertinggi untuk jawatan timbalan ketua AMK, sementara pesaingnya, Feriz Musa sekadar mendapat 11 pencalonan. Ini sekali gus menyaksikan persaingan dua penjurong untuk merebut jawatan timbalan ketua AMK antara Feriz dan Zamakhsari Ibrahim (tiga).

Bagi persaingan Wanita PKR, ramai pemerhati berpendapat perlu ada di kalangan orang kepercayaan Anwar dan Dr. Wan Azizah menduduki tampuk tertinggi dalam pemilihan Exco Wanita sesi 2007-2010 yang akan berlangsung Jumaat ini.

Ini adalah tanggapan pemerhati apabila pegawai khas Dr. Wan Azizah (Ahli Parlimen Permatang Pauh), Elizabeth Wong dilihat akan bertanding jawatan nombor dua - timbalan ketua Wanita PKR berhadapan calon, Rodziah Ismail, yang mendapat sokongan padu ketua Wanita PKR ketika ini, Fuziah Salleh.

Apa pun jawatan ketua Wanita PKR kini sudah pun diisi oleh Zuraida Kamaruddin yang merupakan timbalan Fuziah selepas menang tanpa bertanding.